

## Thailand benarkan polis kita siasat

14

NASIONAL

KHAMIS 1 FEBRUARI 2018 • SINAR HARIAN

# Thailand benarkan **polis kita siasat**

BANGKOK – Biro Pencegahan dan Kawalan Narkotik Thailand (NSB) bersedia membenarkan rakan sejawatan mereka dari Malaysia menyiasat anggota sindiket disyaki yang ditangkap di negara ini semasa cuba menyeludup sejumlah besar dadah ke Malaysia.

Ketua NSB Leftenan Jeneral Sommai Kongvisaisuk mengeluarkan kenyataan itu apabila anggotanya memintakan sebuah lori yang samat dengan muatan tembikai dengan menyorokkan 300kg 'Ice' (Crystal Methamphetamine) di Nakhon Ratchasima minggu lepas semasa dalam perjalanan ke Narathiwat di selatan Thailand.

Menurut NSB, dadah itu akan diseludup ke Malaysia melalui Sungai Golok yang memisahkan Narathiwat dan Rantau Panjang di Kelantan.

"Kami (NSB) mengalu-alukan jika polis Malaysia mahu menyiasat suspek yang terlibat dalam pengedaran dadah ke negara ini," katanya kepada *Bernama* baru-baru ini, sambil menambah kedua-dua



Seorang anggota polis Pasukan Gerakan Am (PGA) memantau pergerakan bot yang menyusuri Sungai Golok di salah sebuah pengkalan haram.

pasukan polis itu sentiasa bertukar maklumat penting berkaitan rampasan dadah terbaru.

Menurut Sommai, kemungkinan dadah itu akan dihantar ke Australia atau Eropah sebaik tiba di Malaysia dan menjamin keuntungan maksimum kepada sindiket berkenaan.

Tiga lelaki ditangkap di dalam lori yang mengangkut tembikai itu manakala empat lagi termasuk dua wanita ditahan di Yala dan Narathiwat dalam operasi polis yang dikaitkan dengan rampasan 'Ice' terbabit.

Sumber polis Thailand memberitahu, mereka juga menyiasat

rampasan 200kg 'Ice' di Chumphon, selatan Thailand juga pada minggu lepas dan sama ada ia berkaitan dengan sindiket yang sama.

"Gaya dan warna pembungkusan dadah itu hampir sama, menyebabkan kami mengesyaki sindiket yang sama menjadi dalangnya," katanya, sambil menambah kedua-dua konsainan dadah itu dipersiapkan untuk selatan Thailand sebelum ke Malaysia.

Somma, pegawai tertinggi Thailand dalam memerangi penyeludup dadah itu juga berkata, Bangkok dan Putrajaya menjalin kerjasama mantap dan berterusan dalam memerangi sindiket dan penyeludup dadah.

"Sekiranya kita dapat memintas mereka (penyeludup dadah), polis Malaysia akan menunggu mereka," katanya dan menambah selain Malaysia, Thailand juga mendapat kerjasama yang baik daripada Myanmar dan Laos dalam memberantas pengaliran dadah terutama dari kawasan Segi Tiga Emas.

Selama beberapa dekad, kawasan Segi Tiga Emas di kawasan sempadan utara Thailand, Laos dan Myanmar, menjadi satu daripada dua kawasan pengeluaran opium terkemuka di rantau Asia selain Afghanistan, namun pada masa ini ia juga antara pengeluar dadah sintetik terkenal di dunia.

"Berhubung rampasan 300kg Ice terbabit, kami bertukar maklumat dengan Malaysia untuk mengesan dalangnya," katanya.

Menurut sumber berkenaan, 300kg 'Ice' untuk Malaysia itu berasal dari Negara Shan di Myanmar yang dikenali sebagai satu daripada kawasan paling aktif mengeluarkan Methamphetamine, di mana kerajaan pusat di Yangon mengenakan kawalan terhadap berikutan kehadiran pelbagai kumpulan bersenjata.

Dari Negara Shan, dadah itu akan dihantar ke Laos dan melintasi Sungai Mekong ke Thailand di mana ia memulakan perjalanan ke selatan Thailand melalui laluan darat di timur laut negara itu.